

SEKAPUR SIRIH

Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Naib Canselor

Universiti Teknologi MARA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalammualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA), UiTM telah mula beroperasi sejak bulan April 2021 dengan menyediakan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada warga awam. Sudah pasti saya dan seluruh warga UiTM merasa amat bangga atas kejayaan yang telah dicapai ini. Pengoperasian hospital ini sekali gus membuktikan bahawa UiTM mampu bersaing dengan institusi-institusi bertaraf global yang lain dalam melahirkan ilmuwan dan pakar dalam bidang perubatan.

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang berdaya saing dan mementingkan kecemerlangan akademik, inovasi, sosial dan pengiktirafan antarabangsa, pewujudan HASA sebagai sebuah lagi Hospital Pengajar Universiti (HPU) yang lengkap dengan fasiliti rawatan terkini serta infrastruktur berteknologi tinggi memainkan peranan yang amat penting bagi membuktikan potensi besar UiTM untuk terus menyumbang kepada kelangsungan sektor penjagaan kesihatan yang berdaya maju di negara ini. Kita amat bertuah kerana mempunyai kerajaan yang sentiasa peka dan menyokong penuh perkhidmatan yang mampu meningkatkan taraf kesihatan, kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat.

Saya yakin, HASA akan sentiasa meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, memberi fokus dalam bidang penyelidikan dan inovasi serta memanfaatkan kepakaran dan fasiliti yang ada demi memastikan masyarakat menerima perkhidmatan yang terbaik dan menyeluruh. Bagi pihak universiti, sukacita saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga HASA kerana sentiasa menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh integriti. Semoga HASA terus mengecapi kecemerlangan dan menjadi pemangkin kepada agenda pembangunan negara khususnya dalam bidang perubatan.

Syabas juga saya ucapkan kepada Sidang Editorial, ketua-ketua jabatan dan semua pihak yang terlibat menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan Hospital Al-Sultan Abdullah 2022. Saya yakin dokumentasi lengkap ini akan menjadi sumber rujukan penting yang memberi manfaat kepada semua pihak sekali gus mencitrakan peranan dan fungsi yang telah dimainkan oleh HASA sepanjang tahun 2022.

Wabillahi taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.